



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin
50604 Kuala Lumpur

Tel : 03 6204 6000
Fax : 03 6204 6801
Portal : jpwpkl.moe.gov.my
E-mel : jpwn.wp@moe.gov.my

Ruj. Kami : JPWPKL 600-3/4/6 (29)
Tarikh : 1 September 2021

**Pengetua/Guru Besar
Sekolah Menengah/Sekolah Rendah
Kuala Lumpur**

Ybhg. Datin/Tuan/Puan

HEBAHAN KEJUARAAN SILAT : 1 SEKOLAH 1 SILAT PERINGKAT NEGERI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR TAHUN 2021

Dengan sukacitanya perkara di atas dirujuk dan surat daripada **Persekutuan Silat Kebangsaan Kuala Lumpur (PESAKA Kuala Lumpur)**, nombor rujukan : **PWPKL/1S1S P/21 (01)** bertarikh **24 Ogos 2021** adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa PESAKA Kuala Lumpur dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPWPKL) akan menganjurkan Kejuaraan Silat : 1 Sekolah 1 Silat Peringkat Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Tahun 2021 bermula pada **7 September 2021** hingga **22 September 2021**.

3. Sehubungan dengan itu, Pihak JPWPKL **menggalakkan** penyertaan murid daripada sekolah Ybhg. Datin/tuan/puan dalam pertandingan yang dianjurkan tersebut. Bersama-sama surat ini dilampirkan **buku pertandingan**, lampiran "*link group whatsapp*" bagi pendaftaran dan pemakluman terkini berkenaan pertandingan tersebut untuk tindakan tuan/puan selanjutnya.

4. Sila hubungi **Encik Sudirman bin Arifin**, Setiausaha PESAKA melalui talian **019-3943335** atau **Encik Hazli bin Adnan**, Pegawai Teknikal Silat JPWPKL melalui talian **017-2194676** atau **Encik Mohd Aidilfitri bin Ramelan**, Penolong Pengarah, Unit Pembangunan Bakat Murid, Sektor Pembangunan Murid, JPWPKL melalui talian **03-6204 6096** untuk sebarang pertanyaan.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(MOHD NAJIB BIN AB RAHMAN, KMW)

Timbalan Pengarah Pendidikan

Sektor Perancangan dan Pengurusan PPD

b.p Pengarah Pendidikan


Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

MAR/hebahan/SuratMenyurat

"LINK GROUP WHATSAPP"



<https://chat.whatsapp.com/HWpbX6QVqrPENIRbshxqzs>



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Jabatan Pendidikan WP Kuala Lumpur



**KEJUARAAN 1 SEKOLAH 1 SILAT PERINGKAT
NEGERI W.P KUALA LUMPUR 2021
(DALAM TALIAN)**

Anjuran Bersama

PESAKA KUALA LUMPUR

Dan

**UNIT PEMBANGUNAN BAKAT MURID
JABATAN PENDIDIKAN WP KUALA LUMPUR**

07 hingga 22 September 2021

**BUKU
PERTANDINGAN**

KANDUNGAN

1.0	PENGENALAN.....	2
2.0	OBJEKTIF	3
3.0	MAKLUMAT RINGKAS KEJUARAAN	3
4.0	NAMA PROGRAM.....	4
5.0	BENTUK PROGRAM	4
6.0	PENGELOLAAN	4
7.0	TEMA	4
8.0	ANJURAN BERSAMA.....	4
9.0	PENYERTAAN.....	5
10.0	TARIKH-TARIKH PENTING	5
11.0	YURAN DAN KOS PENYERTAAN	5
12.0	PERATURAN AM	6
13.0	KATEGORI PENYERTAAN	6
14.0	PERATURAN PERTANDINGAN.....	7
15.0	TATACARA PENYERTAAN	8
16.0	HADIAH DAN SIJIL	8
17.0	JAWATAN KUASA PENGELOLA	10
18.0	MAKLUMAT PERHUBUNGAN.....	11
19.0	PENUTUP	11

1.0 PENGENALAN

Kejuaraan ini diadakan adalah untuk memilih wakil negeri W.P Kuala Lumpur ke Kejuaraan 1 Sekolah 1 Silat Peringkat Kebangsaan 2021 yang akan diadakan secara dalam talian.

Program 1 Silat 1 Sekolah (1S1S) merupakan inisiatif daripada Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (PESAKA) dengan kerjasama Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Program ini bertujuan untuk memperkasa dan memperkaya aktiviti silat yang telah sedia ada di sekolah-sekolah. Melalui program 1S1S, murid-murid boleh mengembangkan bakat dan minat dalam silat sejak peringkat sekolah hingga ke peringkat antarabangsa. Program 1S1S beroperasi selaras dengan cadangan PESAKA Malaysia. Seni silat pula dikategorikan sebagai salah satu aktiviti pasukan badan uniform yang disertai oleh murid-murid. Sehubungan itu, sebarang kegiatan program ini adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan pendidikan (Peraturan Sekolah 1998) di bawah Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).

Pengisian program ini sejajar dengan hala tuju Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013- 2025 ke arah membina negara bangsa dengan suatu identiti nasional yang berlandaskan perpaduan dan prinsip-prinsip Rukun Negara. PESAKA Malaysia ialah badan induk yang bertanggungjawab memastikan kesinambungan kejayaan pesilat-pesilat seluruh negara berada di landasan yang betul sama ada dari segi aspek bela diri, kesenian dan budaya serta sukan berprestasi tinggi. Selain itu, program ini juga bertujuan menarik minat murid-murid serta warga pendidik untuk melibatkan diri secara aktif dalam bidang seni dan sukan silat, selaras dengan Dasar Sukan Negara untuk membudayakan sukan dalam kalangan masyarakat dan dimulakan dari peringkat akar umbi serta mempraktikan seni silat yang telah diiktiraf sebagai Seni Bela Diri Rasmi Negara.

Bersempena dengan kejuaraan ini, beberapa seminar turut akan diadakan sempena Hari Kokurikulum KPM anjuran Jawatankuasa Penerangan dan Jawatankuasa 1S1S PESAKA Malaysia dengan kerjasama KPM, bertujuan untuk memperkenalkan dan memartabatkan seni silat kepada masyarakat. Walau bagaimanapun, ekoran pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia, aktiviti latihan dan pertandingan silat tidak dapat dilaksanakan seperti kebiasaan sebelumnya. Justeru itu, program ini akan dijalankan sepenuhnya dalam talian. Kategori kejuaraan ini telah diolah supaya sesuai dengan keadaan norma baharu di mana terdapatnya unsur-unsur KBAT yang diserapkan bagi pembangunan kreativiti dalam kalangan murid.

Diharapkan dengan adanya program sebegini, akan dapat merangsang perkembangan dan pembangunan seni dan sukan silat di seluruh tanah air. Program ini turut selari dengan pendekatan kerajaan untuk membina masyarakat yang sihat, cergas dan berbudaya sukan ke arah perpaduan pembangunan negara menyahut usaha melestarikan Silat sebagai Warisan Dunia Tidak Ketara yang diiktiraf di bawah kategori "Representative List of the Intangible Cultural Heritage of Humanity" oleh Pertubuhan Pendidikan, Kebudayaan dan Saintifik Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).

2.0 OBJEKTIF

- 2.1 Memberi peluang kepada pesilat untuk bertanding dalam sukan silat untuk mengekalkan kecergasan di waktu pandemik covid dan mengasah bakat murid-murid dalam sukan silat.
- 2.2 Memperkenalkan Program 1 Sekolah 1 Silat (1S1S) kepada murid-murid sekolah di Melaka supaya dapat mengenali dan mempelajari silat dan sejarah perkembangan silat di Malaysia.
- 2.3 Melahirkan murid-murid yang berkemahiran tinggi dalam ilmu persilatan sejurus dengan aspirasi kemenjadian murid di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).
- 2.4 Memberi peluang kepada murid-murid bagi mendapatkan markah Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) pada peringkat kebangsaan.

3.0 MAKLUMAT RINGKAS KEJUARAAN

Acara Dipertandingkan	➤ SOLOKREATIF ➤ TUNGGAL ➤ REGU ➤ TANDING
Tarikh Kejuaaran	07 – 22 Sept 2021
Taraf Aktiviti Ko-ku	NEGERI
Penyertaan	SEKOLAH RENDAH DAN MENENGAH SELURUH NEGERI W.P KUALA LUMPUR
Tempat Kejuaaran	Dalam Talian (secara maya)
Penganjur	Jawatankuasa Program 1 Sekolah 1 Silat Persekutuan Silat Kebangsaan Kuala Lumpur
Kerjasama	Unit Pembangunan Bakat Murid (UPBM), Jabatan Pendidikan Negeri W.P Kuala Lumpur

4.0 NAMA PROGRAM

Program ini dinamakan sebagai "KEJUARAAN 1 SEKOLAH 1 SILAT PERINGKAT NEGERI W.P KUALA LUMPUR 2021".

5.0 BENTUK PROGRAM

Program ini adalah berbentuk pertandingan dalam talian sepenuhnya yang melibatkan pertandingan antara Badan Gabungan Silat Negeri yang berada di bawah PESAKA Malaysia dengan kerjasama Jabatan Pelajaran Negeri yang melaksanakan Program 1 Sekolah 1 Silat.

6.0 PENGELOLAAN

- 6.1 Kejuaan dianjurkan oleh Persekutuan Silat Kebangsaan Kuala Lumpur (PESAKA KL) yang dikendalikan oleh Jawatankuasa Program 1 Sekolah 1 Silat serta Jawatankuasa yang terlibat dengan kerjasama Unit Pembangunan Bakat Murid (UPBM), JPNWPKL.
- 6.2 Penyelarasan pasukan yang mengambil bahagian dikendalikan oleh Jabatan Pendidikan Negeri dan PESAKA Negeri dengan tugas-tugas khas yang diberikan.
- 6.3 Pengarah Pertandingan yang dilantik adalah bertanggungjawab dalam memastikan aktiviti pertandingan berjalan dengan lancar dan tersusun berpandukan peraturan pertandingan dan diberi kuasa untuk melantik jawatankuasa pengelola yang akan bertugas dalam pertandingan tersebut seperti Sekretariat Pertandingan, Delegasi Teknikal, Jawatankuasa Penerangan/ICT, dan Juri.

7.0 TEMA

"BERSAMA MEMBUDAYAKAN SILAT"

8.0 ANJURAN BERSAMA

- 8.1 Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (PESAKA)-Pesaka Kuala Lumpur
- 8.2 Kementerian Pendidikan Malaysia-Jabatan Pendidikan W.P Kuala Lumpur

9.0 PENYERTAAN

Penyertaan terbuka secara individu (lelaki dan perempuan) melalui pihak sekolah dengan pengesahan oleh Pengetua / Guru Besar Sekolah masing-masing seperti berikut:

Pengkelasan Penyertaan Murid	Umur	Keterangan
Sekolah Rendah	10 hingga 12 tahun	Tahap 2
Sekolah Menengah – Kelas 1	13 dan 14 tahun	Tingkatan 1 dan 2
Sekolah Menengah – Kelas 2	15 dan 16 tahun	Tingkatan 3 dan 4
Sekolah Menengah – Kelas 3	17 hingga 19 tahun	Tingkatan 5 dan 6

10.0 TARIKH-TARIKH PENTING

Tarikh	Perkara	Keterangan
02 Sept 2021	Taklimat Penjurian	Tatacara pertandingan Kaedah Penjurian
04 Sept 2021	Taklimat kepada semua peserta Guru dan Jurulatih	Tatacara pertandingan Kaedah Penjurian Soal jawab
07 hingga 22 Sept 2021	Pendaftaran dan Kejuaraan Peringkat Negeri	Penyediaan gmail dan google form negeri Pendaftaran dan penghantaran video
22 September hingga 30 September 2021	Penjurian Kejuaraan Peringkat Negeri	Sepuluh (10) peserta terbaik dari setiap Negeri bagi setiap Kategori Pertandingan (lelaki & perempuan)-markah PAJSK Kebangsaan
1 hb Oktober 2021	Keputusan Kejuaraan Setiap Kategori (Juara 1-3)	Melalui Facebook Pesaka Negeri

Nota: Semua peserta layak mendapat markah PAJSK sekurang-kurangnya untuk Peringkat Negeri.

11.0 YURAN DAN KOS PENYERTAAN

11.1 TIADA Yuran Penyertaan dikenakan kepada peserta.

11.2 Segala kos penyertaan termasuk yang berkaitan dengan penyediaan dan penghantaran video penyertaan adalah ditanggung oleh peserta sendiri.

12.0 PERATURAN AM

- 12.1 Selain daripada Peraturan-peraturan yang terkandung di dalam dokumen ini, ~~Kejuaraan akan dijalankan mengikut Undang-undang dan Peraturan Silat Olahraga~~ oleh Persekutuan Silat Antarabangsa (PERSILAT) 2012 dan disesuaikan dengan konsep pertandingan dan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsiran Peraturan atau bagi kejadian di luar jangkaan, keputusan akan dibuat oleh Teknikal Delegasi Kejuaraan (TD).
- 12.2 Sekiranya terdapat perubahan, akan dimaklumkan melalui JK Teknikal Negeri.
- 12.3 Sekiranya penyertaan dalam setiap kategori melebihi penyertaan biasa maka sistem "pool" akan digunakan.
- 12.4 Segala rakaman adalah hak milik PERSEKUTUAN SILAT KEBANGSAAN KUALA LUMPUR (PESAKA KL)

13.0 KATEGORI PENYERTAAN

- 13.1 SOLO KREATIF(tangan kosong)
 - a. Peragaan dua (2) minit oleh satu (1) pesilat.
 - b. Pola peragaan:
 - i. Mula dengan Salam Pembukaan dan akhir dengan Hormat Penutupan.
 - ii. Memperagakan rumah sembah,babak tempur dan penutupan.
- 13.2 TUNGGAL (tangan kosong)
 - a. Peragaan dua (2) minit oleh satu (1) pesilat.
 - b. Pola peragaan:
 - i. Mula dengan Salam Pembukaan dan akhir dengan Hormat Penutupan.
 - ii. Memperagakan Jurus Tunggal Baku 1 hingga 7.
- 13.3 REGU
 - a. Peragaan dua (2) minit oleh satu (1) pesilat.
 - b. Pola peragaan:
 - i. Mula dengan Salam Pembukaan dan akhir dengan Hormat Penutupan.
 - ii. Memperagakan Jurus Wajib Baku 1 hingga 7.
- 13.4 TANDING
 - a. Peragaan dua (2) hingga tiga (3) minit oleh satu (1) pesilat.
 - b. Pola peragaan:
 - i. Mula dengan Salam Pembukaan dan akhir dengan Hormat Penutupan.
 - ii. Memperagakan set teknik Silat Tanding (Silat Olahraga) seperti berikut:
Sikap Pasang → Pola Langkah → Serang-bela → Kembali Sikap Pasang.
 - iii. Melengkapkan borang Skrip Peragaan.

14.0 PERATURAN PERTANDINGAN

14.1 Gelanggang pertandingan

- a. Ruang bebas yang sesuai (dalam premis atau luar premis) dan tiada keluasan spesifik ditetapkan. Pesilat perlu mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang berkaitan.
- b. Ruang boleh memaparkan keseluruhan penampilan dan peragaan peserta dengan jelasnya dan tidak terhalang oleh apa-apa objek.

14.2 Pakaian

- a. Bagi kategori SOLO KREATIF dan TUNGGAL - Menggunakan pakaian silat potongan tradisional nusantara yang sesuai dengan aksesori tanjak, samping dan bengkung.
- b. Bagi kategori REGU dan TANDING - Menggunakan pakaian silat potongan tradisional nusantara yang sesuai dengan aksesori bengkung.

14.3 Video peragaan

- a. Durasi video tidak melebihi dua (2) minit tetapi untuk kategori Tanding tidak melebihi tiga (3) minit. Durasi video ialah masa peragaan yang dinilai. Peserta perlu menampilkan peragaan mengikut pola peragaan yang telah ditetapkan.
- b. Video hendaklah di dalam format MP4. Rakaman video dalam paparan melintang (landscape orientation). Permulaan dan penutupan peragaan hendaklah menghadap kamera.
- c. Kedudukan kamera mestilah statik. Rakaman dari pelbagai sudut atau pergerakan kamera mengikut kedudukan pesilat tidak dibenarkan.
- d. Unsur-unsur kesan khas, bentuk-bentuk suntingan atau apa-apa olahan dalam video peragaan tidak dibenarkan.
- e. Pernyataan, ulasan atau paparan (audio atau visual) atau apa-apa maklumat peribadi peserta tidak dibenarkan dimasukkan di dalam video.
- f. Bagi kategori TANDING, video dibenarkan untuk disunting bagi maksud memaparkan skrip peragaan pesilat sahaja.

14.4 Latar bunyi

- a. Bagi kategori SOLO KREATIF, TUNGGAL dan REGU, peserta dibenarkan untuk menyertakan latar bunyi audio muzik silat.
- b. Bagi kategori TANDING, pesilat boleh memilih audio yang disenaraikan sahaja sebagai latar bunyi. Jawatankuasa Kejayaan 1 Sekolah 1 Silat Pesaka KL bertanggungjawab menyediakan senarai audio dan peserta boleh mendapatkan audio tersebut daripada mana-mana sumber.

15.0 TATACARA.PENYERTAAN

- 15.1 Peserta perlu melengkapkan borang penyertaan dan menghantar video peragaan melalui pautan yang disediakan oleh Jawatankuasa Kejuaaraan 1 Sekolah 1 Silat PESAKA KL.
- 15.2 Pendaftaran peserta :
15.2.1 Nama Peserta
15.2.2 Alamat Sekolah , No Telefon Sekolah , E-mail Sekolah
15.2.3 No Tel Peserta dan Ibu bapa
15.2.4 Nama guru penasihat (jika ada)
- 15.3 Penyertaan boleh dihantar mulai 07 hingga 22 September 2021
- 15.4 Sepuluh (10) peragaan terbaik setiap kategori Putra dan Putri akan dipilih oleh negeri untuk dinilai di peringkat Kebangsaan. Peserta yang terpilih ke peringkat kebangsaan akan menghantar video baharu untuk penilaian kebangsaan mulai 4 hingga 17 Oktober 2021.

16.0 E-SIJIL

16.1 E-sijil.

16.1.1 Sekolah Rendah (10 hingga 12 tahun)

BIL	Kategori	E-SIJIL		
		JUARA	NAIB JUARA	KETIGA
1.	SOLO KREATIF (tangan kosong)	1	1	1
2.	TUNGGAL (tangan kosong)	1	1	1
3.	REGU	1	1	1
4.	TANDING	1	1	1

16.1.2 Sekolah Menengah–Kelas1(13 hingga 14tahun)

BIL	Kategori	E-SIJIL		
		JUARA	NAIB JUARA	KETIGA
1.	SOLO KREATIF (tangan kosong)	1	1	1
2.	TUNGGAL (tangan kosong)	1	1	1
3.	REGU	1	1	1
4.	TANDING	1	1	1

16.1.3 Sekolah Menengah–Kelas1(13 hingga 14tahun)

BIL	Kategori	E-SIJIL		
		JUARA	NAIB JUARA	KETIGA
1.	SOLO KREATIF (tangan kosong)	1	1	1
2.	TUNGGAL (tangan kosong)	1	1	1
3.	REGU	1	1	1
4.	TANDING	1	1	1

16.1.4 Sekolah Menengah–Kelas2 (15 hingga 16tahun)

BIL	Kategori	E-SIJIL		
		JUARA	NAIB JUARA	KETIGA
1.	SOLO KREATIF (tangan kosong)	1	1	1
2.	TUNGGAL (tangan kosong)	1	1	1
3.	REGU	1	1	1
4.	TANDING	1	1	1

16.1.5 Sekolah Menengah–Kelas3 (17 hingga 19tahun)

BIL	Kategori	E-SIJIL		
		JUARA	NAIB JUARA	KETIGA
1.	SOLO KREATIF (tangan kosong)	1	1	1
2.	TUNGGAL (tangan kosong)	1	1	1
3.	REGU	1	1	1
4.	TANDING	1	1	1

16.2 Para pemenang peringkat Negeri dan Kebangsaan akan diumumkan dalam lamanfacebook Pesaka KL.

16.3 Semua Hadiah, Sijil Penyertaan, Sijil Pencapaian dan Sijil Penghargaan akan diberikan secara elektronik (e-mel atau muat turun) kepada semua pihak yang terlibat.

7.0 JAWATANKUASA KEJUARAAN

JAWATANKUASA INDUK

Bil.	Jawatan	Jabatan/Jawatan	Nama
1	Penasihat	1. Yang Dipertua PESAKA KL 2. Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri WP KL	1. YBrs. Dato' Mohd Nazari bin Ahmad 2. En. Mohd Najib bin Ab Rahman ; <i>KMW</i>
2	Pengerusi	1. Timbalan Yang Dipertua PESAKA KL 2. Timbalan Pengarah Pendidikan (Sektor Pembangunan Murid JPNWPKL)	1. Tn. Azman bin Abidin 2. En. Zainudin bin Mohamad
5	Setiausaha Kejuaraan	1. Setiausaha Agung PESAKA KL 2. Ketua Penolong Pengarah (Sektor Pembangunan Murid)	1. En Sudirman bin Arifin 2. Tn. Hj Nor Azmi bin Baba ; <i>AMN</i>
6.	Penolong Setiausaha Kejuaraan	1. Ketua Biro 1 Sekolah 1 Silat PESAKA KL 2. Penolong Pengarah (Sektor Pembangunan Murid)	1. Pn. Suzzy Noorfajrinaadha binti Shuaid 2. En. Mohd Aidilfitri bin Ramelan 3. En. Muhamad Tarmizi bin Muhammad Nor

JAWATANKUASA PENGELOLA

Bil	Jawatankuasa	Tugasan	Nama
1.	Kepegawaian Teknikal/Juri (alam maya)	1. Menyediakan Jadual Pertandingan 2. Mengelola mesyuarat guru-guru penasihat dan jurulatih-jurulatih sekolah-sekolah seluruh negeri Kuala Lumpur. 3. Menyediakan juri-juri pertandingan dikalangan guru-guru sekolah-sekolah Melaka dan pesaka yang mempunyai sijil wasit juri yang diiktiraf oleh PESAKAMalaysia.	1. En. Mohd Zairie bin Zakaria (Ketua Biro Teknikal Pesaka KL) 2. En Hazli bin Adnan (Pengerusi Teknikal Silat KPM Kuala Lumpur)
2.	Urusetia Pertandingan, dan ICT	1. Menguruskan pendaftaran peserta dalam talian(tatacara penyertaan) 2. Menguruskan video-video penyertaan untuk ICT bagi penjurian. 3. Menyediakan keputusan pertandingan untuk dihantar keperingkat kebangsaan.	1. Dr. Shahrudi bin Sani (Exco Pesaka KL) 2. En. Ali bin Sulaiman
3.	Publisiti & Siaraya	1. Merancang bentuk dan konsep yang boleh menarik minat peserta. 2. Menguruskan rekaan poster 3. Sidang media	1. En. Mohd Faizal bin Ahmad (Exco Pesaka KL) 2. En Shahrul Redzuan bin Othman
4.	Hadiah dan Sijil	1. Memastikan hadiah dan sijil diterima oleh semua peserta, guru dan sekolah terlibat.	1. En. Mohd Nasiruddin Haizad bin Hj Mohd Nasir (Exco Pesaka KL) 2. En. Mohd Hambali bin Ismail

18.0 MAKLUMAT PERHUBUNGAN

Sekretariat Kejuaraan 1 Sekolah 1 Silat Peringkat W.P Kuala Lumpur 2021

019-3943335 : En. Sudirman bin Arifin (SU PESAKA KL)
017-6377234 : En. Mohd Aidilfitri bin Ramelan (Penolong Pengarah, JPN WPKL)
019-3917675 : En. Muhamad Ali bin Sulaiman (Urusetia Teknikal 1S1S)
017-2194676 : En. Hazli bin Adnan (Pengerusi Teknikal Negeri)

19.0 PENUTUP

Semoga dengan penganjuran kejuaraan ini dapat menyuntik semangat dan memberi dorongan kepada generasi muda untuk terus bergiat aktif di dalam bidang Sukan Silat dan menjadikannya sebagai satu budaya yang diamalkan setiap hari. Akhir sekali, adalah menjadi harapan pihak penganjur agar kejohanan sukan ini menjadi platform kepada melahirkan pesilat negeri dan negara.

